

SIDANG AKHBAR



LEMBAGA PERADABAN MELAYU (ADAB)

"Benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau"

10 MAC 2019
KUALA LUMPUR

RINGKASAN
KEPADA
MEMORANDAM LEMBAGA PERADABAN MELAYU (ADAB)
ATAS PERKARA: AKTA HASUTAN 1948, AKTA NO.15

(Majlis Keselamatan Negara)
(Pembentukan)
Lembaga Peradaban Melayu (ADAB) seperti juga MDN menentang cadangan **Pemerintahan Pakatan Harapan (PH)** untuk segera **dimansuhkan Akta Hasutan 1948, Akta No.15.**

2. Cadangan itu adalah janji PH dalam *Manifesto* PH menghadapi PRU14; dengan sokongan daripada pihak lain yang menuduh Negara ini tidak melaksanakan Piagam PBB dan konvensyen antarabangsa atas perkara **Hak Asasi Manusia.**

3. ADAB menolak janji *Manifesto* PH yang menjadi beban diatas wibawa Rakyat, dan melemahkan keutuhan *Kedaulatan* dan *Kemerdekaan* Negara ini. ADAB juga menolak tuduhan penyokong cadangan PH itu dengan tuduhan bahawa *Kerajaan (the State-Monarchy)* gagal melaksanakan *Hak Asasi Manusia*, kerana tuduhan itu tidak benar.

4. Bagi ADAB Akta No.15 adalah undang-undang *pencegah*, bukan *pidana*. Ia juga berlainan sifat daripada *Ordinance Hasutan 1948* dan *Undang-Undang Dharurat* yang terbentuk untuk melindungi kuasa Inggeris daripada *tentangan senjata* dan *subversif* oleh *Parti Komunis Malaya (PKM)* dan pengikutnya daripada *Malayan Peoples Anti Japanese Army (MPAJA)*. Akta No.15 telah diserasikan dengan pindaan untuk melindungi keutuhan **KEDAULATAN** serta **KEMERDEKAAN** Negara daripada cabaran *durjana PKM dan MPAJA*, dan angkara *13 Mei 1969*. Cabaran masa depan lebih buruk, iaitu dalam bentuk *bersenjata, subversif* dan *rusuhan* massal dengan sokongan negara luar.

5.. Malaysia adalah Kerajaan Persekutuan (*Federation of Monarchies*) yang dibentuk oleh Raja-Raja dan Bangsa Melayu diatas *doktrin Kebangsaan Melayu* yang meneruskan *Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948*. Sifat *Kedaulatan* serta *Kemerdekaan* Malaysia amat unik dan amat kritikal untuk di lindungi oleh Akta No. 15 dalam zaman globalisasi sekarang.

6. Anggapan bahawa *Kemerdekaan* negara ini tidak murni, kerana Akta No.15 **dituduh melanggar** Piagam PBB amatlah curang.

7. Pendirian ADAB terletak diatas landasan berikut :

- i. *B.* Malaya adalah Negara yang Berdaulat dan Merdeka. Ia menerima keanggotaan PBB (Sept 1957), seperti juga dengan Anggota PBB yang lain, untuk melindungi *Kedaulatan* dan *Kemerdekaan* negara; dan bersetuju melaksanakan Piagam PBB dan *Hak Asasi Manusia* dalam prinsip tersebut.

- ii. ADAB memberi ingatan kepada ^{Pemerintahan} Pemerintahan PH, dan mereka yang mahu mansuhkan Akta No. 15, bahawa Malaysia telah bersama menegakkan **Deklarasi Kaherah (1990)** bahawa **Hak Asasi Manusia harus ditempa dalam kesetiaan kepada Hukum Syariah**. Deklarasi ini amat penting kerana Islam adalah Agama bagi Negara ini.
- iii. Malaysia turut menyokong **Deklarasi Bangkok (1993)** yang menjelaskan pendirian negara-negara Asia tentang Hak Asasi Manusia dengan mementingkan **Kedaulatan serta Kemerdekaan Negara** dan membebaskan **ekonomi, social, dan budaya** masyarakat lebih penting bagi melaksanakan Hak Asasi Manusia sejagat.
- iv. Malaysia serta negara ASEAN lain, telah menzahir akan **Deklarasi Hak Manusia ASEAN (1992)** yang lebih menyeluruh. Tuduhan yang menidakkan sokongan dan pelaksanaan Malaysia kepada Hak Asasi Manusia samasekali tidak benar dan berniat jahat. *Kerajaan (the State Monarchy)* tidak mengabaikan tanggungjawab demikian.

Kesimpulan pendirian ADAB adalah :

- a. Membantah keras cadangan **Pemerintahan PH** untuk menghapuskan Akta Hasutan No.15, sebaliknya menggesa supaya Akta No. 15 itu terus dipertahankan demi melindungi *Kedaulatan dan Kemerdekaan* Negara ini dan Rakyatnya.
- b. Mengesa semua yang berkepentingan mengaku bahawa *Kerajaan* Malaysia sebelum ini menghormati **batasan** serta **mengamal sebaik mungkin akan Hak Asasi Manusia** di dalam Negara, dan pada hubungan antarabangsa sebagai landasan unggul bagi keutuhan dan keamanan Negara dan hubungan antarabangsa. Kerananya, maka Akta No.15 harus diteruskan berlaku.
- c. *Lembaga Peradaban Melayu (ADAB)* memohon perhatian *DYMM Majlis Raja-Raja*, sebagai Pemegang Tampuk *Kedaulatan dan Kuasa Negara* tertinggi, kepada pendirian ini.